

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATO' SRI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL RAHIM**  
**[ BALING ]**  
**TARIKH : 18.3.2019 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 8**

**Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [ Baling ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- a) adakah Kementerian mempunyai perancangan khusus menetapkan satu peraturan atau dasar yang menyeragamkan tempoh sesi praktikal di semua Universiti Awam (UA) dan IPTS di Malaysia; dan
- b) apakah ada usaha untuk menetapkan kadar elaun minimum untuk pelajar praktikal sepanjang masa latihan praktikal dijalankan sama ada bagi sektor swasta atau sektor awam.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keperluan pelajar mengikuti latihan industri adalah tertakluk kepada Dasar Latihan Industri Negara yang telah diperkenalkan kementerian pada 2010. Walau bagaimanapun, dasar ini sedang disemak semula bagi tujuan penambahbaikan. Antara aspek yang berkemungkinan dibuat penambahbaikan adalah dari segi tempoh sesi praktikal di semua Universiti Awam (UA) supaya ianya selari dengan kehendak dan keperluan semasa. Penyeragaman tempoh sesi praktikal di Institusi

## **SOALAN NO: 8**

Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) pula adalah mengikut standard program yang disediakan oleh Malaysian Qualification Agency (MQA) sebagaimana dipersetujui oleh badan profesional bidang tertentu.

Tujuan utama penempatan pelajar praktikal adalah untuk mempraktikkan pembelajaran teori yang dipelajari di institusi dalam situasi sebenar ditempat kerja. Oleh itu, penetapan elaun atau pemberian elaun kepada pelajar praktikal adalah bergantung kepada peruntukan majikan masing-masing. Pelajar berhak membuat pilihan penempatan praktikal yang bersesuaian termasuklah pemilihan majikan yang memberi elaun dengan pemantauan pensyarah institusi masing-masing. Walaupun sesetengah majikan tidak memberi elaun, namun terdapat majikan yang menyediakan kemudahan lain antaranya kemudahan tempat tinggal, pengangkutan dan lain-lain.

Bagi latihan praktikal di agensi-agensi kerajaan, surat edaran JPA Bil. 10 (2011) mengenai Elaun Latihan Amali Pelajar Institusi Pengajian Tinggi di Agensi Kerajaan menyatakan bahawa pelajar yang sedang menjalani latihan praktikal dibenarkan menerima bayaran elaun sebanyak RM15 sehari untuk tempoh maksimum tiga (3) bulan.

Sebarang cadangan bagi menetapkan kadar elaun minimum latihan praktikal perlu dikaji dengan lebih mendalam kerana dikhuatiri akan membebankan industri terutama Perusahaan Kecil dan Sederhana (SME). Jika penetapan ini dilaksanakan, besar kemungkinan SME tidak lagi akan mampu untuk mengambil pelajar untuk tujuan praktikal.

Sekian, terima kasih.

RJM 28